

# CLOBEX® SHAMPOO

Clobetasol propionate (0.05% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Clobex® Shampoo
2. Bagaimana Clobex® Shampoo berfungsi
3. Sebelum menggunakan Clobex® Shampoo
4. Cara Menggunakan Clobex® Shampoo
5. Semasa menggunakan Clobex® Shampoo
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Clobex® Shampoo
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah Kegunaan Clobex® Shampoo

Clobex® Shampoo digunakan pada orang dewasa untuk rawatan kulit kepala yang dijangkiti psoriasis dari tahap sederhana ke tahap serius.

## Bagaimana Clobex® Shampoo berfungsi

Clobex® Shampoo mengandungi clobetasol propionate yang dapat mengurangkan bengkak, gatal dan kemerahan pada kulit kepala pesakit. Ubat ini juga merupakan corticosteroid yang sangat kuat.

## Sebelum menggunakan Clobex® Shampoo

- Bila tidak boleh menggunakan  
Jangan gunakan Clobex® Shampoo jika anda mempunyai alergi terhadap bahan kandungannya, atau corticosteroids lain-lain. Clobex® Shampoo tidak sesuai bagi individu berumur di bawah 18 tahun.

### - Sebelum menggunakan Clobex® Shampoo

Beritahu doktor anda:

- Jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung, Bincang dengan doktor sebelum menggunakan Cobex Shampoo. Ia adalah tidak diketahui jika Clobex® Shampoo boleh membahayakan bayi dalam kandungan anda.

- Jika anda sedang menyusukan bayi. Ia adalah tidak diketahui jika Clobex® Shampoo meresap ke dalam susu ibu, dan jika ia akan membahayakan bayi anda. Clobex® Shampoo harus digunakan dengan berhati-hati semasa mengandung dan menyusukan anak sekiranya kebaikan potensi mewajarkan risiko potensi kepada bayi.
- Jika anda fikir anda mempunyai jangkitan pada kulit kepala anda. Anda mungkin memerlukan ubat-ubat lain untuk merawat jangkitan kulit kepala sebelum anda menggunakan Clobex® Shampoo.

Manifestasi “*Cushing’s Syndrome*”, paras gula darah tinggi, dan kewujudan kandungan gula dalam kencing juga boleh dihasilkan pada sesetengah orang dengan penyerapan sistemik kortikosteroid topikal ketika menjalani rawatan.

Keadaan yang boleh meningkatkan penyerapan sistemik termasuk penggunaan kortikosteroid yang lebih kuat, guna pada luas permukaan yang besar, penggunaan yang berpanjangan, dan penambahan balutan tertutup atau digunakan pada kawasan lipatan.

Jika penindasan adrenal berlaku, doktor anda boleh menghentikan penggunaan ubat, atau mengurangkan kekerapan penggunaan, atau menggantikan dengan steroid yang kurang kuat.

Kanak-kanak mungkin lebih mudah terdedah kepada keracunan sistemik disebabkan nisbah luas permukaan kulit mereka yang lebih besar kepada berat badan.

Jika iritasi berlaku, Clobex Shampoo perlu dihentikan dan doktor akan mempreskripsi ubat lain.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda tentang semua ubat-ubatan yang lain dan produk kulit yang anda gunakan, termasuk ubat-ubat preskripsi dan bukan preskripsi, vitamin, ubatan herba, dan kosmetik. Sesetengah ubat-ubatan dan product

boleh menyebabkan kesan sampingan yang serius jika digunakan semasa anda menggunakan Clobex® Shampoo.

## Cara Menggunakan Clobex® Shampoo

### - Berapa banyak harus digunakan

- Gunakan Clobex® Shampoo seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Clobex® Shampoo adalah untuk digunakan pada kulit kepala sahaja.
- Sapu Clobex® Shampoo pada bahagian kulit kepala yang dijangkiti sekali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Gunakan hanya quantiti yang mencukupi untuk kawasan kulit kepala yang dijangkiti.
- Jangan basahkan rambut anda sebelum menggunakan Clobex® Shampoo. Gerakkan rambut anda dari kulit kepala untuk mendedahkan bahagian yang dijangkiti. Sapukan sejumlan kecil syampu terus pada bahagian yang dijangkiti. Sapu Clobex® Shampoo ke dalam bahagian yang dijangkiti. Ulangi untuk bahagian-bahagian lain kulit kepala anda yang terjejas.
- Tinggalkan Clobex® Shampoo pada bahagian yang disapu selama 15 minit sebelum bilas rambut dan kulit kepala sepenuhnya. Tiada syampu lain yang perlu digunakan. Walau bagaimanapun, anda boleh menggunakan syampu bukan ubat pada rambut anda selepas menggunakan Clobex® Shampoo jika anda mahu.

### - Bila perlu digunakan

Gunakan ubat mengikut preskripsi yang ditetapkan oleh doktor.

### - Berapa lama perlu digunakan

- Gunakan Clobex® Shampoo pada kulit kepala yang dijangkiti sehari sekali.
- Jangan menggunakan Clobex® Shampoo melebihi 4 minggu (28 hari) secara berturut-turut

# CLOBEX® SHAMPOO

Clobetasol propionate (0.05% w/w)

- untuk psoriasis tahap sederhana ke tahap serius.
- Rawatan harus dihadkan kepada 4 minggu yang berturut-turut dan perlu dihentikan apabila jangkitan sudah dikawal. Jika jangkitan masih tidak dapat dikawal selepas 4 minggu rawatan dengan Clobex® Shampoo, bincang dengan doktor.

**- Jika terlupa menggunakan**  
Jika terlupa menggunakan Clobex® Shampoo mengikut masa yang ditetapkan, gunakan sebaik sahaja anda ingat, teruskan penggunaan mengikut jadual yang ditetapkan. Jika anda ingat masa untuk penggunaan seterusnya, gunakan hanya satu dos dan teruskan mengikut jadual yang ditetapkan. Jika anda terlepas beberapa dos, maklumkan kepada doktor.

**- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)**  
Clobex® Shampoo boleh menembusi lapisan kulit, penggunaan Clobex® Shampoo yang berlebihan boleh menindaskan kelenjar adrenal.

## Semasa menggunakan Clobex® Shampoo

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Basuh tangan anda selepas menggunakan Clobex® Shampoo. Basuh mana-mana bahagian badan anda yang terkena Clobex® Shampoo seperti leher dan bahu.
- Anda harus melaporkan sebarang tanda-tanda kesan sampingan tempatan atau sistemik dengan doktor anda.
- Anda perlu memaklumkan doktor anda bahawa anda menggunakan Clobex® Shampoo jika pembedahan dipertimbangkan.

**- Perkara yang tidak boleh dilakukan**  
Perkara yang tidak boleh dilakukan ketika menggunakan Clobex® Shampoo:

- Jangan guna Clobex® Shampoo pada bibir atau berdekatan mata kerana berkemungkinan boleh menyebabkan kesan sampingan.

Jika ianya berlaku, gunakan air yang banyak untuk membersihkan Clobex® Shampoo dari kawasan muka, bibir ataupun mata. Jika mata masih terasa pedih selepas membersihkannya, hubungi doktor dengan kadar segera.

- Jangan guna Clobex® Shampoo dengan balutan tertutup kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan menggunakan Clobex® Shampoo di kawasan muka, pangkal peha dan ketiak.
- Jangan masukkan Clobex® Shampoo ke dalam mulut. Jika kanak-kanak didapati telan Clobex® Shampoo, hubungi pusat Kawalan Racun atau bilik rawatan kecemasan tempat anda dengan segera.
- Jangan tutup kepala dengan topi mandi semasa merawat kulit kepala dengan Clobex® Shampoo.
- Jangan menggunakan lebih daripada 50ml (1.75 auns cecair) Clobex® Shampoo seminggu.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

*Memandu dan menggunakan jentera*  
Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, lelah, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

### Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh menyebabkan kesan sampingan, tetapi ramai orang tidak mengalami atau mengalami kesan sampingan ringan. Kesan-kesan sampingan Clobex® Shampoo ialah pedih atau gatal di tempat yang disapu dengan Clobex® Shampoo. Kesan-kesan sampingan lain yang mungkin berlaku termasuklah penipisan kulit dan pelebaran saluran darah dalam kulit.

Rujuk dengan doktor jika sebarang kesan sampingan berterusan atau mengganggu.

Clobex® Shampoo boleh meresap masuk melalui kulit anda. Terlalu banyak Clobex® Shampoo yang meresap melalui kulit anda akan menindas kelenjar adrenal. Ini boleh berlaku jika anda mengguna terlalu banyak Clobex® Shampoo atau menggunakananya untuk jangka yang panjang, tetapi ia juga boleh berlaku dengan penggunaan yang betul.

Jika kelenjar adrenal anda telah ditindas, ia tidak akan mula berfungsi dengan segera walaupun selepas anda berhenti menggunakan Clobex® Shampoo. Penindasan kelenjar adrenal boleh menyebabkan loya, muntah-muntah, demam, tekanan darah rendah, dan kematian kerana badan anda tidak boleh bertindak balas dengan secukupnya terhadap tekanan atau penyakit.

Doktor anda boleh melakukan ujian darah dan air kencing khas untuk memeriksa fungsi kelenjar adrenal anda semasa anda menggunakan Clobex® Shampoo.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers→Reporting*)

## Cara penyimpanan dan pelupusan Clobex® Shampoo

### - Penyimpanan

- Pastikan botol ditutup rapat setiap masa.
- Simpan di dalam bilik dengan kawalan suhu 68°F to 77°F (20°C-25°C).
- Jangan guna Clobex® Shampoo selepas tarikh luput seperti yang tertera di botol.
- Jauhkan Clobex® Shampoo dan semua jenis ubatan daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Sila rujuk kepada doktor anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini

# CLOBEX® SHAMPOO

Clobetasol propionate (0.05% w/w)

---

dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat Lanjut**

### - Rupa dan warna produk

Clobex® Shampoo ialah cecair lut cahaya, yang pekat dan tidak bewarna ke sedikit kekuningan dengan bau alkohol.

### - Bahan-bahan kandungan

#### - Bahan Aktif:

Clobetasol propionate

#### - Bahan Tidak Aktif:

Alcohol, Citric Acid, Coco-Betaine, Polyquaternium-10, Purified Water, Sodium Citrate dan Sodium Laureth Sulfate.

### - Nombor MAL

MAL06051300AZ

## **Pengilang**

Laboratoires Galderma

Z.I.- Montdesir

74540 Alby-Sur-Cheran,

France.

## **Pemegang Pendaftaran Produk**

Zuellig Pharma Sdn Bhd

No 15, Persiaran Pasak Bumi,

Seksyen U8, Perindustrian Bukit

Jelutong, 40150, Shah Alam,

Selangor, 40150 Selangor.

## **Tarikh Kemaskini RiMUP**

17/02/2016

## **Nombor Siri:**

BPFK(R4/1)101215/00491